

Lonjakan perdana modal insan

Oleh ROSLIWATY RAMLY

KUALA LUMPUR - Memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata tanpa dipupuk nilai-nilai murni tidak cukup untuk membina modal insan berkualiti di kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi negara. Menyedari hakikat itulah, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjadikan pembinaan modal insan sebagai agenda utamanya dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi negara.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata selain kemahiran teknikal dan profesional, nilai-nilai seperti komitmen, integriti dan kejujuran adalah penting supaya pelajar mampu menguasai ilmu yang membolehkan mereka menjadi lebih kompetitif.

"Jika kita melahirkan graduan yang mediocre (sederhana), negara kita tidak mungkin mampu mencapai kecemerlangan atau dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Jadi, matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ialah membina modal insan yang berkualiti dan mampu bersaing diperingkat negara dan global," katanya dalam satu temubual dengan *Bernama*.

"Hari ini kita perhatikan sudah banyak syarikat tempatan seperti Petronas, Telekom, Khazanah Nasional dan MISC yang beroperasi secara 'cross-border'. Operasi mereka memerlukan pendekatan dan kemahiran yang berbeza daripada dahulu."

Jelasnya lagi, banyak syarikat multinasional yang beroperasi di sini termasuk dari Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bermutu bagi memacu operasi dan perniagaan mereka.

Jika jawatan-jawatan penting dan berkemahiran tinggi yang diperlukan syarikat-syarikat multinasional itu diisi oleh rakyat Malaysia, maka ini boleh dilihat sebagai kejayaan sistem pendidikan tinggi negara kerana dapat menghasilkan dan membekal modal insan yang bermutu dan berdaya saing.

Lagipun, sebagai salah sebuah negara perdagangan utama di dunia pada tangga ke-18, kita memerlukan sistem pendidikan yang mampu membina kekuatan modal insan dalam pelbagai bidang agar dapat memperbaiki tahap daya saing dan pembangunan negara.

"Dahulu, kita bergantung kepada sumber fizikal untuk pembangunan tetapi hari ini modal insan dan intelek boleh menentukan kejayaan sesebuah negara. Kita perlu lebih ramai graduan yang berilmu, pintar, berkemampuan, berkemahiran tinggi, mempunyai kemahiran sosial, beretika dan kompetitif," kata Mustapa, yang juga bekas Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Inilah tugas penting saya sebagai Menteri Pengajian Tinggi dalam memenuhi cabaran negara dan mencapai objektif Misi Nasional."

Menjelaskan fokus tugas beliau di KPT, Mustapa mengenal pasti lima keutamaan:

- Meningkatkan kualiti pendidikan di

Jika kita melahirkan graduan mediocre, negara tidak mungkin mampu mencapai kecemerlangan atau dapat menjana pertumbuhan ekonomi

- Mustapa Mohamed

UM - 29/10/2006

UITM dan akses yang lebih besar kepada pelajar memasuki politeknik dan kolej komuniti bukan sahaja akan membuka lebih banyak peluang pendidikan, malah peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk di Pantai Timur.

"Pembinaan fizikal universiti boleh merencangkan pembangunan sekitar dan mencetuskan pelbagai spillover effects yang ketara. Contohnya, dulu Bangi dan Skudai adalah dua tempat yang mundur, hanya kawasan ladang getah dan hutan. Tetapi setelah pembinaan UTM dan UKM, Skudai dan Bangi berubah wajah dan menjadi bandar yang melimpahkan pelbagai peluang pekerjaan, perniagaan dan kegiatan komersil," jelas Mustapa.

Buat masa ini, Kelantan dan Terengganu sudah mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi awam.

Peranan

Namun, UMK dan UDM adalah universiti pertama bagi kedua-dua negeri. Mustapa berkata penubuhan UMK dan UDM diharap dapat memajukan industri kecil dan sederhana yang berteknologi tinggi, serta memainkan peranan besar untuk membantu meningkatkan usaha penyelidikan, pengembangan, pengeluaran kemajuan dalam beberapa aktiviti dan bidang berkaitan. Ini kerana proses pembangunan negara, menurut beliau, khususnya melibatkan teknologi tinggi dan ekonomi baru memerlukan modal insan yang mahir dalam pelbagai bidang.

Mengenai UMK, beliau menjelaskan bahawa tujuan ditubuhkan ialah untuk meningkatkan 'accessibility' pengajian tinggi kepada rakyat dan menjayakan agenda memperkukuhkan modal insan sebagai strategi utama ke arah pencapaian Misi Nasional.

Pengambilan pelajar pertamanya ialah pada Julai 2007 seramai 500 orang. Naib Canselor sudah dilantik dan kampus sementara sudah beroperasi di Institut Perguruan Kota Bharu, Pengkalan Chepa. Katanya, penubuhan UMK akan menjadi daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pembekalan tenaga mahir dan mewujudkan kesan limpahan ke kawasan sekitar yang akan menyaksikan lebih banyak peluang pekerjaan dan komersil.

"Ini akan membantu mempercepatkan pembangunan di Kelantan agar sebaris dengan negeri-negeri lain," katanya.

Pembangunan UMK ialah dalam dua fasa. Fasa I, dijangka 3,000 pelajar diambil mengikuti program di tiga Fakulti (Perniagaan dan Keusahawanan, Sains Hayat dan Sum-

ber Asli serta Seni dan Warisan) selain kursus bahasa di Pusat Pengajian Umum dan sebuah Pusat Kecemerlangan iaitu Pusat Keusahawanan.

Pada Fasa II, program baru akan ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah mengikut keperluan semasa. Saiz optimum pelajar pada 2015 ialah 10,000 orang.

Fokus program dan kursus yang ditawarkan di UMK berteraskan Keusahawanan, Industri Kecil dan Sederhana, Pertanian, Nilai-nilai Islam dan kemahiran bahasa antarabangsa.

Mustapa berkata bidang Keusahawanan dan Perniagaan yang sudah lama terbentuk di kalangan masyarakat Pantai Timur akan dijadikan teras yang merentasi program-program lain yang ditawarkan.

Mustapa berkata kampus tetap UMK akan dibina di Bachok dan Jeli. Buat permulaan, RM100 juta diperuntukkan untuk kos penyewaan, kos ubahsuaikan bangunan kampus sementara, perolehan tanah, pembinaan bangunan strategik dan pembelian peralatan makmal kampus.

Mengenai UDM pula, Mustapa menjelaskan ia adalah sebuah universiti penuh yang mempunyai beberapa kampus cawangan, mirip konsep University of London dan University of Wales. Selain sebuah kampus induk, kampus juga akan dibina di Besut.

Kampus induk akan menawarkan program Sains Kesihatan seperti Dietetik, Radiografi dan Teknologi Perubatan. Manakala Kampus Besut akan menawarkan beberapa program pengajian termasuk Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Mustapa berkata Besut juga mempunyai kawasan yang mencukupi untuk aktiviti berkaitan agro-bioteknologi yang mampu menjadikan kampus kedua ini sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang tersebut.

Di bawah Fasa 1 (2006-2009), UDM menggunakan Kolej Sri Iman (sebuah IPTS milik Kerajaan Negeri) sebagai pusat pentadbiran dan KUSZA sebagai kampus sementara yang menawarkan program pengajian yang menyepadukan program profesional dengan Pengajian Islam peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Mustapa berkata, pengagihan pembinaan kampus cawangan UDM di daerah berbeza adalah strategi yang selaras dengan usaha membangunkan wilayah agar lebih serata.

Di bawah Fasa II, beliau menjelaskan pembangunan UDM akan dilaksanakan seiring dengan program penambahbaikan beberapa hospital untuk digunakan sebagai hospital pengajar bagi menampung latihan klinikal pelajar perubatan kelak.

Katanya, bagi tahun pertama operasi, UDM memerlukan RM350 juta di bawah RMK-9 untuk pembinaan bangunan dan infrastruktur kampus KUSZA dan Kampus Besut. Tambah beliau, RM150 juta lagi untuk peralatan serta RM45 juta untuk kos operasi dan pembangunan.

Katanya, pengambilan pelajar pada tahun pertama ialah 1,500 orang (kebanyakannya pelajar KUSZA) dan diunjurkan ke tahap 9,000 pada 2011.

Satu lagi projek berimpak tinggi di bawah KPT ialah peningkatan enrolmen pelajar UiTM daripada 100,000 kepada 200,000 orang seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung UMNO 2005 lalu.

Mustapa berkata Kerajaan bersetuju mencapai sasaran ini pada 2010. Katanya, justifikasi enrolmen 200,000 ini ialah bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam semua bidang termasuk profesional bertujuan menyamaratakan sosio-ekonomi antara kaum, serta melihat jangkaan masa depan terhadap bilangan pelajar Bumiputera yang layak ke IPTA.

Beliau menjelaskan UiTM mengatur strategi meningkatkan keupayaan infrastruktur akademik dan asrama di semua kampus UiTM selain keperluan tenaga pensyarah dan sokongan.

Katanya, menjelang 2010, diunjurkan bilangan pelajar sepenuh masa UiTM ialah 127,000 orang (61 peratus), 20,000 pelajar separuh masa (10 peratus) dan 60,000 pelajar (29 peratus) di Kolej-Kolej Bersekutu UiTM.

Daripada bilangan ini, menurut Mustapa dijangkakan 60 peratus pelajar adalah dalam bidang Sains dan Teknologi, 30 peratus dalam bidang Pengurusan dan Perniagaan manakala 10 peratus lagi dalam bidang Sains Sosial dan Kemasyarakatan.

Tambah beliau, dari segi kapasiti, Kampus Shah Alam akan menampung kira-kira 21 peratus daripada keseluruhan bilangan pelajar pada 2010. Terdapat beberapa kampus cawangan yang akan menampung antara 5,000 hingga 10,000 pelajar pada 2010.

Turut diberi keutamaan oleh KPT ialah penjenamaan semula politeknik dan kolej komuniti. Di bawah projek ini, KPT menyediakan pelbagai latihan dan kursus kemahiran di 20 buah politeknik serta menyediakan akses lebih luas kepada pelajar yang mungkin kurang dari segi kemampuan akademik untuk meneruskan pengajian melalui program yang ditawarkan di 34 buah kolej komuniti seluruh negara.

KPT juga akan membina tujuh politeknik dan 25 kolej komuniti baru di bawah RMK9 sebagai projek berimpak tinggi.

Satu aspek penting projek ini ialah merapatkan hubungan antara kolej komuniti dengan pihak swasta melalui program bersama antara kedua-dua pihak.

"Ini satu tugas penting di KPT. Insya-Allah, kita akan pastikan lebih ramai rakyat Malaysia menceburi program pembelajaran seumur hidup ini," katanya.